Pengkaedahan Susun Atur Dalam Kamus Dwibahasa

Mohamad Suhaizi Suhaimi
suhaizisuhaimi@yahoo.com
Universiti Putra Malaysia

Nazri Mustapha Dawan
nazrymustapha@gmail.com
Universiti Putra Malaysia

ABSTRACT

THE ARRANGEMENT METHOD IN BILINGUAL DICTIONARY

Producing dictionary requires its own structure or format which is usually divided into three parts which are mega, macro and micro. The reason is, a production of dictionary depends on the needs of the user, either monolingual dictionaries, bilingual dictionaries or a multilingual dictionary. Besides that, the lexicographer of the dictionary also plays a significant part in the production of a dictionary. Therefore, *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*, arranged by A. S Hornby, E. C Parnwell, Daud Baharum dan Asraf (1972) is selected as the study data to discuss the mega, micro and macro structure within the dictionary. This dictionary is categorized as bilingual dictionary as the source language has different language as the target language. This research is using qualitative method with document analysis instrument to get the information needed. The result showed that the application of all three structure help to complete the confusion in selection of the best reference dictionary.

Keywords: ***dictionary structure, mega, macro, micro, bilingual language***

PENGENALAN

Bidang linguistik dan bahasa telah lama bertapak, iaitu sejak tahun 500 SM. Sejarah pengkajian ilmu linguistik ini telah bermula pada zaman Yunani, zaman Iskandariah, zaman Rom, zaman Pertengahan, zaman Peralihan (Renaissance), zaman Arab, zaman India, zaman linguistik perbandingan, dan zaman linguistik moden. Justeru, pelbagai ilmu telah berjaya dilahirkan melalui bidang ini, termasuklah bidang leksikografi. Bidang ini didefinisikan sebagai perkara yang berkenaan dengan kerja yang menghuraikan semua atau beberapa makna sesuatu perkataan dalam satu bahasa atau lebih, sesuai dengan sifat dan ciri-ciri perkataan tersebut (Hartman, 1986).

Namun begitu, leksikografi atau perkamusan masih boleh dikategorikan sebagai 'bayi' dalam bidang linguistik dan bahasa. Hal ini diperkuat dengan tinjauan Collins (2001) bahawa antara tahun 1970 hingga 1980 telah membuktikan bahawa tiada kursus leksikografi yang ditawarkan pada program linguistik peringkat pascasarjana di tiga buah universiti yang terkemuka dalam bidang tersebut. Menurut beliau lagi, inisiatif kendiri harus diambil sekiranya ingin mempelajari ilmu perkamusan yang sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan kepada bidang ini. Selain itu, leksikografi juga berkait rapat dengan kamus yang didefinisikan sebagai buku yang mengandungi senarai kata dalam suatu bahasa yang dilengkapi dengan makna dan maklumat ringkas tentang tatabahasa bahasa tersebut (Salinah, 2000: 809).

SUSUN ATUR KAMUS

Penjelasan yang terperinci mengenai penyusunan kamus dapat dilihat melalui kenyataan Pamusuk Eneste (2012) iaitu naskhah kamus memiliki kekhususannya yang tersendiri. Pertama sekali yang dapat dilihat adalah dari segi susun atur (*layout*) kamus yang berbeza dengan ciri naskhah-naskhah lain. Hal ini bermaksud, kamus lazimnya dibahagi dalam dua kolum dan antara lajur kiri dan lajur kanan dibatasi oleh garis menegak (terdapat juga yang tiada garis pembatas). Selain itu, entri atau lemma kamus biasanya diberi penjelasan secara ringkas. Hal ini berbeza dengan naskhah lain yang di dalamnya penyusun mempunyai peluang untuk berpanjang lebar memberikan penjelasan. Ketiga, entri kamus biasanya dimulakan dengan huruf kecil. Keempat, naskhah kamus biasanya mengandungi singkatan-singkatan yang lazim dipakai dalam dunia perkamusan.

Justeru, kajian ini memilih data kajian *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* (1972) kerana kamus ini merupakan kamus yang sudah lama diguna pakai sebagai rujukan para pelajar di sekolah menengah dalam pemahaman terhadap bahasa Inggeris bertulis melalui perantaraan bahasa Melayu.

Selain itu, Pamusuk Eneste (2012) memperincikan bahawa terdapat 12 jenis naskhah yang dinyatakan dalam bukunya yang berjudul *Buku Pintar Penyuntingan Naskah*: (1) naskhah fiksyen, (2) naskhah sastera, (3) naskhah buku sekolah, (4) naskhah bacaan kanak-kanak, (5) naskhah perguruan tinggi; (6) naskhah muzik; (7) naskhah matematik, fizik dan kimia, (8) naskhah biologi, (9) naskhah kamus, (10) naskhah bahan ilmiah, (11) naskhah ilmiah popular, dan (12) naskhah terjemahan. Justeru, pemilihan kamus ini adalah tepat untuk meneliti kepenggunaan ketiga-tiga struktur dalam penghasilan sesebuah kamus.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai jenis kamus diterbitkan di pasaran dengan pelbagai jenis istilah seperti 'terkini', 'mutakhir' dan sebagainya digunakan bagi menunjukkan kesempurnaan kamus tersebut. Hal tersebut menyebabkan para pengguna sering terkeliru akan pilihan yang tepat mengikut keperluan masing-masing. Tambahan pula, dalam proses lalu lintas ilmu dan ledakan maklumat, banyak kosa kata baharu dicipta yang memungkinkan khazanah sesebuah bahasa bertambah (Ibrahim, 1994: 139). Oleh yang demikian, apabila sesebuah kamus diterbitkan, terdapat unsur leksikal lain yang muncul dan penyusun kamus terpaksa memilih proses morfologi yang dirumuskan kesan daripada tatabahasa bahasa Melayu yang menuju proses pemantapan.

Selain itu, menurut Bergenholtz dan Trap (1995), struktur kamus terdiri daripada lima bahagian, iaitu struktur makro, struktur mikro, struktur *frame*, struktur rujuk silang, dan struktur akses. Namun begitu, tidak semua kamus memiliki semua struktur tersebut. Hal tersebut bergantung pada penyusun kamus itu sendiri yang melihat dari pelbagai aspek termasuklah sasaran pengguna. Oleh yang demikian, kajian yang mendalam berkaitan dengan struktur kamus harus diperbanyak agar pengguna dapat membuat pilihan dalam menggunakan kamus.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif-objektif yang berikut:

- mengenal pasti struktur mega, makro dan mikro yang terdapat dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*
- menghuraikan fungsi struktur mega, makro dan mikro yang terdapat dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif yang meneliti keseluruhan data kajian, iaitu *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*. Analisis kandungan ini digunakan untuk mendapatkan kandungan maklumat yang terdapat dalam struktur mega, makro dan mikro. Satu per satu helaian data kajian diteliti dan seterusnya pengelasan mengikut struktur dilakukan. Seterusnya, huraian terperinci dilakukan bagi mendapatkan kefahaman yang tepat akan fungsi dan tujuan struktur tersebut diterapkan dalam kamus ini. Kajian ini juga mendapati bahawa ketiga-tiga struktur diterapkan dalam data kajian yang berfungsi menjadikan *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* ini sesuai dan tepat dijadikan rujukan oleh para pengguna.

PERBINCANGAN

Kajian ini membahagikan struktur kamus kepada tiga bahagian, iaitu mega, makro, dan mikro yang terdapat dalam kamus yang dikaji.

Struktur Mega

Struktur ini melibatkan hubungan antara komponen utama dalam kamus, iaitu bahagian hadapan, bahagian badan dan bahagian lampiran.

Bahagian Hadapan

Bahagian ini merupakan bahagian yang kurang diambil perhatian oleh pengguna kamus. Hal ini demikian kerana, pengguna lebih cenderung untuk menggunakan kamus sebagai medan mencari makna sesuatu perkataan. Justeru, penyusun kamus ini membahagikan bahagian hadapan kepada tiga ruangan iaitu 'Kata Pengantar', 'Kependekan Yang Digunakan di dalam Kamus Ini' dan 'Sistem Ejaan Rumi Baru'.

Dalam ruangan 'Kata Pengantar', penyusun menyatakan tujuan penerbitan kamus ini, iaitu membantu para pelajar bahasa Inggeris di tingkatan menengah dalam pemahaman

terhadap bahasa Inggeris bertulis melalui perantaraan bahasa Melayu. Selain itu, kamus ini bertujuan supaya dapat membantu pengguna yang berpelajaran Inggeris menambah pengetahuan dalam bahasa Melayu. Hal tersebut jelas menunjukkan sasaran pengguna bagi kamus ini ialah pengguna berbahasa asing khususnya bahasa Inggeris yang ingin mengetahui bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Selain itu, penyusun juga menyatakan masalah yang dihadapi dalam merujuk kamus dwibahasa, iaitu kebanyakan kamus jenis ini hanya memberikan makna satu patah kata tanpa petunjuk yang jelas akan penggunaannya. Justeru, kamus ini dilihat dapat mengatasi kekangan tersebut dengan memberikan contoh-contoh penggunaannya dalam bahasa Inggeris serta terjemahannya dalam bahasa Melayu turut disediakan. Penyusun juga menyatakan ucapan penghargaan terhadap Dr Teuku Iskandar yang telah banyak memberikan nasihat serta cadangan yang berguna dalam penghasilan kamus ini. Penghargaan turut diberikan kepada Saudara Tajudin Busu yang menaip naskhah kamus ini serta membaca setiap lembaran yang terdapat pada cetakan ini.

Seterusnya, dalam ruangan 'Kependekan yang Digunakan di dalam Kamus Ini', penyusun telah menggunakan bentuk perkataan yang dipendekkan ejaan dan simbol dalam memberi penjimatan ruang di dalam kamus. Penyusun juga menasihatkan pengguna agar dapat membiasakan diri dengan kependekan yang telah dilakukan sebelum menggunakan kamus ini. Antara kependekan yang digunakan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh Kependekan yang Digunakan dalam Kamus Pembaca Inggeris Melayu

Kependekan/ Simbol	Ejaan Asal
rel.	Relative
v.	Verb
&	And

Akhir sekali, ruangan ini melampirkan juga 'Sistem Ejaan Rumi Baru'. Menurut penyusun, pada bulan Ogos 1972, pelaksanaan ejaan bersama Malaysia-Indonesia telah diumumkan setelah naskhah ini sudah selesai disusun cetakannya. Namun, penyusun meneruskan juga penerbitan kamus ini supaya penerbitannya tidak tertangguh lebih lama lagi. Sistem ejaan rumi baru ini dilampirkan juga seperti yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Kementerian Pelajaran. Oleh itu, penyusun membahagikan ruangan ini kepada 11 pecahan berserta terjemahan bahasa Melayunya seperti yang berikut:

- abjad
- sistem vokal
- sistem konsonan
- persukuan
- diftong
- awalan di- dan sa-
- kata depan di-, ka-, kepada
- partikel –lah, –kah, –tah dan pun
- bentuk ringkas kau, ku, mu, nya
- kata majmuk
- kata ulang

Bahagian Badan

Bahagian badan lazimnya memaparkan senarai kata kepala atau lemma yang terdapat dalam kamus. Bahagian ini merupakan bahagian yang sering dirujuk oleh pengguna dalam mendapatkan definisi sesuatu kata. Lazimnya, kata kepala dicetak dengan warna hitam agar memudahkan pengguna untuk mencari maklumat yang diperlukan. Berdasarkan *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* ini, cetakan lemma dihitamkan dan disusun di dua ruangan kolum pada setiap muka surat serta dikeluarkan sedikit susunannya ke kiri berbanding huraian bagi lemma tersebut. Selain itu, kamus ini turut memaparkan ilustrasi lukisan bagi beberapa kata masukan untuk memberikan unsur pemahaman yang lebih jelas kepada pengguna. Bahagian ini juga memaparkan jenis-jenis leksem dalam kata masukan yang akan dihuraikan secara terperinci dalam struktur kamus yang kedua, iaitu struktur makro.



Rajah 1: Contoh Gambar yang Digunakan dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Bahagian Lampiran

Bahagian ini merupakan bahagian belakang bagi sesebuah kamus. Terdapat sesetengah kamus hanya membiarkan kosong pada bahagian ini namun kamus yang dikaji ini memaparkan bahagian lampiran dengan menyediakan ruangan 'Kependekan Umum' serta 'Kata Kerja Yang Berubah-Ubah'. Ruangan 'Kependekan Umum', memaparkan sesuatu yang berbeza daripada kependekan yang terdapat pada bahagian hadapan. Jika kependekan di bahagian hadapan lebih kepada bidang bahasa dan linguistik, kependekan pada bahagian lampiran pula memaparkan huruf singkatan yang umum bagi kata nama khas.

Jadual 2: Contoh Kependekan Umum

Kependekan	Kata Asal
A.M.N.	Ahli Mangku Negara
B.Sc.	Bachelor of Science
D.B.P.	Dewan Bahasa dan Pustaka

Selain itu, ruangan seterusnya memaparkan variasi kata kerja dalam bahasa Inggeris yang terdiri daripada *Infinitive*, *Past Tense* dan *Past Particle.* Sejajar dengan tujuan kamus ini diterbitkan, iaitu menambahkan pemahaman dan pengetahuan bahasa Inggeris yang bertulis, ruangan ini juga memaparkan ejaan berbentuk lama yang dicondongkan tulisannya.

Jadual 3: Contoh Kata Kerja yang Berubah-ubah

Infinitive	Past Tense	Past Participle
bid	Bid, *bade*	Bid, *bidden*
have, *hast*	Had, *hadst*	Had
speak	Spoke, *spake*	Spoken

Struktur Makro

Bowker (2003) menyatakan bahawa struktur makro melibatkan cara sesuatu entri disusun dalam sesebuah kamus dan umumnya hampir setiap kamus menggunakan urutan abjad sebagai dasar yang menampilkan sesuatu leksikon dalam sesebuah kamus. Dalam erti kata lain, struktur makro di dalam kamus merupakan cara penyusunan entri termasuk subentri dalam sebuah kamus.

Bagi *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* ini, struktur makro yang digunakan ialah makro abjad. Hal ini bermaksud, lemma yang terdapat dalam kamus ini disusun mengikut 'huruf demi huruf' yang banyak digunakan dalam kamus terbitan terkini. Hal ini dilihat memudahkan pengguna melakukan rujukan di dalam kamus memandangkan maklumat penyusunan abjad telah ada pada pengguna amnya. Selain itu, kehadiran leksem turut membentuk struktur makro di dalam sesebuah kamus. Leksem didefinisikan sebagai kata yang terdapat dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa dan lazimnya muncul sebagai kata kepala dalam kamus. Justeru, leksem boleh dibahagikan kepada lima iaitu satu kata, dua kata, tiga kata, singkatan dan imbuhan dan kamus ini memaparkan kelima-lima bahagian leksem tersebut.

Jadual 4: Contoh Jenis-jenis Leksem dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Jenis Leksem	Contoh
Satu Kata	*aim* (m/s: 9)
Dua Kata	*to do* (m/s: 370)
Tiga Kata	*pros and cons* (m/s:274)
Singkatan	Co. (m/s: 72)
Imbuhan *–ion*	*profession* (m/s: 275)

Struktur Mikro

Sterkenburg (2003) menyatakan bahawa struktur mikro merupakan informasi yang diberikan pada setiap kata yang tersusun dalam kamus. Struktur ini memberikan maklumat tambahan pada setiap lemma yang terdapat dalam sesebuah kamus. Justeru, struktur ini melibatkan komponen entri seperti ejaan, sebutan, pengimbuhan, kelas kata, *senses*, definisi, contoh, penggunaan dan juga etimologi. Namun begitu, komponen sebutan tidak dipaparkan di dalam kamus ini kerana bentuk maklumat yang terdapat dalam entri sesebuah kamus berbeza-beza bergantung pada jenis kata masukan dan jenis kamus yang digunakan.

Ejaan

Menurut Harimurti (1993: 48), ejaan adalah penggambaran bunyi bahasa dengan kaedah tulis-menulis yang distandardisasikan, yang lazimnya mempunyai tiga aspek iaitu aspek fonologi yang melibatkan penggambaran fonem dengan huruf dan penyusunan abjad, aspek morfologi yang melibatkan penggambaran satuan morfem dan aspek sintaksis yang melibatkan penanda ujaran berupa tanda baca. Oleh yang demikian, sistem ejaan ialah salah satu maklumat penting yang memberitahu pengguna tentang cara sesuatu kata dalam sesuatu bahasa itu ditulis dalam bahasa tersebut.

Memandangkan bahasa sumber bagi *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* ini ialah bahasa Inggeris, mungkin tiada yang boleh diulas dengan lebih lanjut. Ejaan-ejaan yang disusun dalam kamus ini menjadi rujukan kepada pengguna bagi mendapatkan ejaan yang tepat dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, maklumat mengenai ejaan ini lebih tertumpu kepada ejaan pada bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu yang menepati 'Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia'. Secara tidak langsung, pengguna dapat mengetahui ejaan yang betul dan tepat dalam kedua-dua buah bahasa tersebut.

Jadual 5: Contoh Ejaan-ejaan dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Ejaan Bahasa Inggeris	Ejaan Bahasa Melayu	Ejaan Lama
atom (m/s: 23)	atom	Atum
rector (m/s: 290)	rektor	Rekter
system (m/s: 358)	sistem	Sistim

Kelas Kata

Komponen entri jenis ini pula merupakan pengelasan kata kerja bagi setiap lemma yang disusun di dalam sesebuah kamus. Kelas kata ini berfungsi dalam menyampaikan maklumat tatabahasa kepada pengguna yang lazimnya dipaparkan bersebelahan dengan lemma. Dalam kamus ini, kelas kata diletakkan di sebelah lemma dengan memberi kependekan menjadi satu atau dua huruf.

Jadual 6: Contoh Komponen Kelas Kata dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Singkatan Kelas Kata	Kelas Kata
arch (m/s: 19)	*n.*	noun/ kata nama
cold (m/s: 73)	*adj.*	adjective/ kata sifat
extract (m/s: 137)	*v.t.*	verb transitive/ kata kerja transitif

Senses

Senses bermaksud pertalian makna di antara kata masukan yang lazimnya memiliki dua atau lebih makna. Dalam konteks ini, Asmah (1971) telah menyatakan:

> *"An entry does not fully fulfil its usefulness if it is only the meaning(s) and the grammatical explaination(s) that are given without the examples which illustrate its usage in certain contexts: sentence, phrase or word (in the case of an affixentry)."*

Hal ini bermaksud, istilah *senses* turut dikenali sebagai 'ilustrasi' yang membawa maksud penggunaan kata berdasarkan contoh-contoh mengikut konteks tertentu untuk memberi kefahaman kepada pembaca lain khususnya yang bukan penutur jati sesuatu bahasa tersebut. Oleh yang demikian, maklumat ini penting dalam sesebuah kamus kerana setiap kata itu biasanya mempunyai makna yang lebih daripada satu selain daripada makna asal. Dalam kamus ini, keberadaan *senses* diletakkan nombor yang dihitamkan dan menjadi sublemma di dalam kata masukan. Memandangkan bahasa sasaran adalah bahasa Melayu, penyusun telah memberikan *senses* dalam bahasa tersebut diikuti terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, tidak semua kata masukan diberikan *senses* malah hanya diberikan definisi secara langsung tanpa meletakkan nombor yang dihitamkan.

Jadual 7: Contoh Komponen Senses dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Senses
flesh (m/s: 147)	**1**. daging. O *'t own ~ and blood* darah daging sendiri; sanak saudara sendiri. *in the ~* dlm kehidupan. **2.** nafsu: *the sin of the ~* dosa-nya nafsu.
retreat (m/s: 297)	**1.** pengunduran: *in full ~*undur seluruhnya **2.** Bunyi alamat mundur. **3**.tempat mengasingkan diri: *go into ~* pergi mengasingkan diri.

Definisi

Pengguna kamus akan merujuk kepada sesebuah kamus untuk mendapatkan maknanya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Abdullah (1987: 109) iaitu pengguna juga merujuk kepada sesebuah kamus untuk banyak jenis maklumat lain, tetapi pokoknya ialah untuk mendapatkan makna. Oleh yang demikian, salah satu daripada fungsi utama sesuatu kamus itu ialah memberi makna yang tepat terhadap sesuatu kata yang dikehendaki oleh penggunanya.

Justeru, kamus ini memaparkan komponen definisi ini dengan terjemahan bahasa Melayu diikuti terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Hal ini dapat membantu pengguna sasaran melihat sesuatu definisi itu dalam kedua-dua buah bahasa di samping menambah pengetahuan dalam bahasa-bahasa tersebut.

Jadual 8: Contoh Komponen Definisi dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Definisi
supervise (m/s: 354)	memerhatikan, mengamati, mengawasi. ***supervisor***. n. mandor; pngawasan. ***supervision***. n. pengawasan
oppress (m/s: 244)	**1**. menekan, menindas. **2** (k.i) menyesakkan; sesak *~ed by the heat* merasa sesak oleh kepanasan.

Berdasarkan contoh yang diberikan, penyusun turut meletakkan kelas kata, sublemma dan juga penggunaan bagi beberapa kata masukan. Informasi yang sedikit ini mungkin tidak memberi gambaran yang lengkap mengenai entri yang dideskripsikan namun begitu, kamus jenis ini dapat membantu pengguna sekurang-kurangnya untuk mengetahui makna secara ringkas dari entri yang disusun.

Contoh

Komponen contoh dilihat salah satu unsur penting dalam sesebuah kamus. Hal ini demikian kerana, memaparkan contoh ayat bagi kata masukan mampu membantu pengguna mendapatkan gambaran jelas bagi sesuatu kata. Berdasarkan kamus yang dikaji, contoh ayat diberikan dalam dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Namun begitu, tidak semua kata masukan diberikan contoh ayat dan hanya memaparkan definisi secara ringkas dalam bahasa sasaran.

Jadual 9: Komponen Contoh dalam Kamus Pembaca Inggeis-Melayu

Lemma	Contoh Ayat
orbit (m/s: 245)	edaran; garis perjalanan bintang; orbit; *the earth's ~ round the sun* garisan perjalanan bumi di sekeliling matahari; *satelites in ~ round the earth* satelit dalam peredarannya mengelilingi dunia.

Berdasarkan Jadual 9, penyusun memberikan lebih daripada satu contoh ayat supaya pengguna dapat memerihalkan sesuatu kata tersebut dengan lebih jelas agar faktor ketaksaan dapat dielakkan apabila kata tersebut digunakan.

Penggunaan

Secara keseluruhannya, semua kamus mempunyai satu set pelabelan untuk menandai kata atau pilihan makna kata. Lazimnya, pelabelan ini terikat dengan konteks perkataan yang digunakan dan ini menunjukkan komponen penggunaan dalam sesebuah kamus. Dalam kamus yang dikaji, beberapa pelabelan yang mengalami kependekan telah digunakan bagi menunjukkan kesesuaian sesuatu kata masukan itu boleh digunakan dalam urusan tertentu.

Jadul 10: Contoh Komponen Penggunaan dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Definisi	Penggunaan
hostelry (m/s: 179)	n. (bl). asrama, hostel, rumah penginapan	Bahasa lama
occident (m/s: 241)	n. (bs). Barat	Bahasa sastera

Etimologi

Etimologi atau asal usul kata ialah perubahan dari segi bentuk atau makna kata yang dikesan sepanjang tempoh perubahannya dari bahasa sumbernya hingga ke bentuk atau maknanya dalam bahasa sasaran (Fadilah, 1994: 5). Dalam kamus yang dikaji, komponen etimologi diberikan dengan cara yang paling ringkas iaitu meletakkan huruf singkatan bagi asal usul kata masukan tersebut. Selain itu, keterangan etimologi tidak diberi selengkapnya tetapi hanya sekadar untuk menyatakan bahasa sumber sesuatu perkataan yang sudah meresap ke dalam perbendaharaan bahasa Malaysia mahupun menjadi perkataan yang seringkali didengar.

Jadual 11: Contoh Etimologi dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Definisi	Etimologi
hors de combat (m/s: 178)	prep. adj. (Pr) luka, tak dapat meneruskan perjuangan	Perancis
mademoiselle (m/s: 215)	n. (Pr). Nona	Perancis

Pengimbuhan

Imbuhan merupakan proses morfologi yang paling dominan. Imbuhan mempunyai makna nahuan dan tiada kelas, tidak terikat pada kata dasar serta tidak mengalami perluasan. Berdasarkan kamus kajian, pengimbuhan berlaku pada awalan dan juga akhiran namun tidak dijadikan sebagai lemma. Dalam tatabahasa bahasa Inggeris, sesuatu yang ditambah pada kata dasar dikenali sebagai *affix* dan ini menunjukkan kepelbagaian sesebuah kata apabila menerima imbuhan. Justeru, kamus ini menggunakan pengimbuhan pada sublemma namun begitu tiada pengimbuhan yang dilakukan terhadap definisi bahasa Melayu yang diberikan.

Jadual 12: Contoh Pengimbuhan dalam *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*

Lemma	Definisi	Jenis Imbuhan
yearn (m/s: 405)	v.i berhasrat; ingin akan; rindu akan **~ing** n. hasrat; keinginan; kerinduan **~ingly** adv. dgn berhasrat; dgn rindu	Inflection suffixes *~ing* Adverb suffixes *~ly*

Berdasarkan jadual di atas, perubahan imbuhan ini turut memberi kesan kepada kelas kata. Sebagai contoh, dalam kata masukan *yearn*, kelas kata kerja bertukar menjadi kata nama apabila menerima akhiran *~ing* dan turut berubah menjadi kata adjektif apabila menerima akhiran *~ly*.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu* ini merangkumi ketiga-tiga struktur kamus iaitu mega, mikro dan makro. Ketiga-tiga struktur ini merupakan aspek yang perlu diteliti dalam pemilihan kamus rujukan yang terbaik. Secara ringkasnya, kamus ini boleh dikategorikan sebagai kamus yang baik untuk golongan sasarannya iaitu para pelajar bahasa Inggeris di tingkatan menengah dalam pemahaman terhadap bahasa Inggeris yang bertulis melalui perantaraan bahasa Melayu. Selain itu, kamus ini juga mampu menambah pengetahuan pelajar yang berpengetahuan Inggeris dengan memaparkan penggunaan komponen kamus yang jelas dan tepat.

Namun begitu, dalam struktur mikro, komponen entri bagi sebutan tidak dinyatakan dalam ruangan kamus ini. Pada hemat pengkaji, penyusun merasakan bahawa sasaran pengguna iaitu pelajar berpendidikan Inggeris sudah mengetahui bentuk sebutan dalam bahasa Inggeris tersebut dan tidak perlu lagi aspek tersebut dipaparkan. Walaupun pengguna sasaran berpendidikan Inggeris, masih terdapat juga kesalahan sebutan yang boleh dilakukan berikutan pengguna masih di peringkat persekolahan. Justeru, komponen entri sebutan harus dipaparkan bagi menghasilkan sebutan yang tepat dan betul bagi sesuatu kata masukan yang disusun.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (1987). *30 Tahun perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. (1971). The descriptive-prescriptive dictionary: a review article of *Kamus Dewan. Brunei Museum Journal,* 2 (3).

Bergenholtz, H., & Tarp, S. (Eds.). (1995). *Manual of specialised lexicography: the preparation of specialised dictionaries (Vol. 12).* Armsterdam: John Benjamins Publishing.

Bowker, Lynne. (2003). Specialized lexicography and specialized dictionaries: in a practical guide to lexicography. Dlm. *Terminology and lexicography research and practice*, (154–164). Armsterdam: John Benjamins Publishing.

Fadilah Jasmani. (1994, 20-21 Disember). Kategori maklumat dalam kamus. Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harimurti Kridalaksana. (1993). *Kamus linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Hartman. (1986). The history of lexicography. Papers from the dictionary research centre seminar at Exeter. Amsterdam: J. Benjamins

Ibrahim Ahmad. (1994). *Perkamusan Melayu suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

James T. Collins. (2001). Kamus Melayu dan ilmu perkamusan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 12 (2), 22-30.

Pamusuk Eneste. (2012). *Buku pintar penyuntingan naskah*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Salinah Ja'afar. (2000). Perkamusan Melayu dalam era teknologi maklumat. *Jurnal Dewan Bahasa*. 11 (1), 809-815.

Sterkenburg, Piet Van. (2003). *Onomasiological specifications and concise history onomasiological dictionary*. Amsterdam: John Benjamin Publishing